



AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

12 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Sehingga jam 4.00 petang, 12 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir meningkat kepada lima (5) di mana 12 daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor kini terjejas. Seramai 2408 orang mangsa daripada 722 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 18 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Jumlah ini menunjukkan **sedikit penurunan** berbanding laporan jam 7.00 pagi di mana terdapat 2550 mangsa daripada 755 KIR berlindung di 29 PPS seluruh negara.

Terdapat 14 buah PPS telah ditutup dan tiga (3) buah PPS baharu telah dibuka secara keseluruhan pada hari ini. PPS yang ditutup tersebut terletak di di daerah Raub (Balairaya Kg Chenua, SK Ulu Atok, Balairaya Kg Ria, Balairaya Kg Sengkela, Masjid Jamek Kuala Semantan), Jerantut (Balairaya Kg Sempadan), Lipis (Masjid Beletik dan SK Lubuk Kulit), Dungun (Dewan Sivik Seberang Pintasan), Kemaman (SK Kg Baru Kerteh, SK Kemasik & Dewan Abdul Rahman Limbong), Kuala Nerus (SK Tok Jembal) dan Setiu (Balairaya Kg Merang). PPS yang baharu dibuka masing-masing di Pasir Mas (SK Sri Kiambang), Besut (Balairaya Kg Pantai) dan Segamat (Balairaya Kg Kuala Paya).

Bagi tempoh 5 hingga 11 Disember 2022, MET Malaysia telah mengeluarkan 18 Amaran Hujan Berterusan peringkat Waspada, 12 Amaran Hujan peringkat Buruk dan 11 Amaran Hujan Berterusan peringkat Bahaya. Bagi tempoh yang sama, Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) NADMA juga telah menerima tiga (3) Amaran Banjir dan 19 Notis Kesiapsiagaan Kemungkinan Banjir Kilat daripada JPS Malaysia.

Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **empat (4)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **bahaya** iaitu;

- i. Sg. Triang di Triang, Bera, Pahang
- ii. Sg. Pahang di Lubuk Paku, Maran, Pahang
- iii. Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan
- iv. Sg. Damansara di Kg. Melayu Subang, Petaling, Selangor

Selain itu, terdapat **12** sungai di mana bacaan air berada ditahap **amaran** iaitu;

- i. Sg. Muar di Buloh Kasap, Segamat, Johor
- ii. Sg. Muar di Kg. Awat, Segamat, Johor
- iii. Long Teru, Miri, Sarawak
- iv. Marudi, Miri, Sarawak
- v. Benawa, Miri, Sarawak
- vi. Sg. Serting di Jam. Pdg. Gudang, Bera, Pahang
- vii. Sg. Jempol di Ran Felda Jengka, Maran, Pahang
- viii. Sg. Belat di Sri Damai, Kuantan, Pahang
- ix. Sg. Muar di Pekan Rompin, Jempol, Negeri Sembilan
- x. Sg. Muar di Kg. Berembang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- xi. Sg. Damansara di Batu 3, Petaling, Selangor
- xii. Sg. Binjai di Pekan Meru, Klang, Selangor

MET Malaysia pada 5:00 petang semalam telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan Waspada dan Buruk. Peringkat Buruk adalah bagi negeri Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Bachok, Machang dan Pasir Puteh) serta Terengganu. Amaran Hujan Berterusan peringkat Waspada pula adalah bagi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang di Kelantan.

Pada jam 2.00 petang, MET Malaysia telah mengeluarkan Ramalan Cuaca Signifikan. Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan mosun dijangka memasuki rantau negara **mulai 17 Disember 2022**. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi membawa hujan berterusan di negeri-negeri pantai timur Semenanjung dan timur Sabah dalam tempoh 17-21 Disember 2022.

MET Malaysia sedang memantau keadaan ini dan akan mengeluarkan Amaran Hujan Lebat Berterusan Peringkat Waspada sekiranya perlu. Manakala dalam tempoh beberapa hari akan datang, ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dijangka terus berlaku di kawasan pantai barat Semenanjung, barat Sabah dan utara Sarawak pada sebelah petang hingga awal malam.

Pada jam 3.45 petang ini, JPS melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) telah mengemaskinikan Notis Kesiapsiagaan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh 24 jam yang akan datang. Lokasi *hotspot* yang telah disenaraikan melibatkan 11 daerah dari enam (6) buah negeri; Pulau Pinang (Seberang Perai Selatan), Perak (Kerian, Larut Matang & Selama), Selangor (Sepang, Klang, Kuala Langat dan Petaling), Negeri Sembilan (Port Dickson), Terengganu (Marang dan Kuala Terengganu), Pahang (Kuantan).

Jabatan Kerja Raya (JKR) pada jam 2.00 petang telah melaporkan 10 lokasi terkesan kejadian banjir, sembilan (9) lokasi cerun runtuh, satu (1) lokasi jalan runtuh, tiga (3) lokasi jalan mendap dan dua (2) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/ runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 25 lokasi.

Kejadian-kejadian ini telah berlaku di empat (4) daerah di Kedah, tiga (3) daerah di Negeri Sembilan, enam (6) daerah di Kelantan, lima (5) daerah di Terengganu, lima (5) di Pahang, dan dua (2) di Johor yang melibatkan 10 jalan persekutuan dan 15 jalan negeri.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR ditalian 03-26107727 atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> , atau twitter @CSEJ_JKR.

RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi myCuaca di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Masyarakat diingatkan untuk peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera berpindah sekiranya diarahkan (info lanjut: <https://publicinfobanjir.water.gov.my>). Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN



LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA (pada jam 4:00 PM, 12 Disember 2022)



INDIKATOR

- 1 - 499 Mangsa
- 500 - 999 Mangsa
- Melebihi 1000 Mangsa

MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA

Bil. Keluarga Keseluruhan	: 722	Bil. Keseluruhan Negeri	: 5 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan	: 2408	Bil. Keseluruhan Daerah	: 10 Daerah Aktif
		Bil. Keseluruhan Pusat Pemindahan	: 18 PP Aktif
		Bil. Pusat Pemindahan Ditutup	: 9



RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun dijangka memasuki rantau negara **mulai 17 Disember 2022**. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi membawa hujan berterusan di negeri-negeri pantai timur Semenanjung dan timur Sabah dalam tempoh 17 – 21 Disember 2022.

MET Malaysia sedang memantau keadaan ini dan akan mengeluarkan Amaran Hujan Lebat Berterusan Peringkat Waspada sekiranya perlu.

Manakala dalam tempoh beberapa hari akan datang, ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dijangka terus berlaku di kawasan pantai barat Semenanjung, barat Sabah dan utara Sarawak pada sebelah petang hingga awal malam.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 12 Disember 2022, pada 2.00 petang

MET Malaysia



NOTIS KESIAPSIAGAAN KEMUNGKINAN BANJIR KILAT (DALAM TEMPOH 24 JAM)

Dikeluarkan pada 12 Disember 2022; 3:45 petang

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-12122022-1545

Berdasarkan maklumat ramalan hujan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sistem Southeastern Asia-Oceania Flash Flood Guidance System (SAOFFGS) dan model ramalan banjir JPS Malaysia, terdapat risiko kejadian banjir kilat di beberapa lokasi sekiranya hujan lebat/ribut petir yang signifikan berlaku. Berikut adalah senarai kawasan yang berisiko banjir kilat:

PRABN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

LOKASI 'HOTSPOT' YANG BERISIKO BANJIR KILAT

Negeri	Daerah	Lokasi 'Hotspot' Yang Berisiko Banjir Kilat Di Kawasan Mukim Berikut:
Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	Bandar Nibong Tebal, Mukim 1, Mukim 7, Mukim 11 serta kawasan sekitarnya
Perak	Larut Matang & Selama	Mukim Bukit Gantang, Mukim Sungai Limau, Mukim Pengkalan Aor, Mukim Jebong, Mukim Asam Kumbang serta kawasan sekitarnya
	Kerian	Mukim Bagan Serai, Mukim Gunung Semanggol, Mukim Beriah, Mukim Kuala Kurau, Mukim Parit Buntar serta kawasan sekitarnya
	Selangor	Mukim Sepang, Mukim Dengkil serta kawasan sekitarnya
Selangor	Klang	Pekan Pandamaran, Pekan Kapar, Mukim Klang serta kawasan sekitarnya
	Kuala Langat	Pekan Jenjarom, Mukim Kelanang, Tanjong Duabelas serta kawasan sekitarnya
	Petaling	Mukim Petaling, Pekan Serdang, Pekan Batu Tiga, Bandar Shah Alam serta kawasan sekitarnya
Negeri Sembilan	Port Dickson	Pekan Lukut, Pekan Jemima, Mukim Si Rusa, Mukim Jimah serta kawasan sekitarnya
Terengganu	Marang	Mukim Bukit Payung serta kawasan sekitarnya
	Kuala Terengganu	Mukim Cenering, Mukim Batu Buruk, Mukim Kuala Terengganu serta kawasan sekitarnya
Pahang	Kuantan	Bandar Kuantan, Mukim Pulau Manis, Mukim Kuala Kuantan, Mukim Sungai Karang serta kawasan sekitarnya

PRABN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-12122022-1545

Notis kesiapsiagaan ini dikeluarkan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh tersebut.

Sila patuhi arahan pihak berkuasa atau agensi-agensi pengurusan bencana banjir. Sila layari laman sesawang <https://publicinfobanjir.water.gov.my>, Facebook @PublicInfoBanjir dan Twitter @JPS_InfoBanjir untuk maklumat lanjut dari semasa ke semasa.

PRABN PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-12122022-1545